

12/05/2000

Orkestra Muda Bainun iringi Koir Guru

Syuhada Choo Abdullah

SEBAGAI tuan rumah sambutan Hari Guru peringkat kebangsaan tahun ini, Perak ingin menampilkan kelainan dalam acara majlis pelancaran yang akan dilakukan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, 16 Mei ini.

Untuk itu, orkestra sekolah yang semakin dikenali, Orkestra Muda Bainun, diberi penghormatan mengiringi Koir Guru yang akan mempersembahkan beberapa lagu pada majlis berkenaan.

Pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Raja Permaisuri Bainun, Ipoh, menyifatkan kesempatan itu sebagai penghormatan mereka kepada guru di seluruh negara.

Ketua konsert orkestra berkenaan, Atiyah Ismail, 17, gembira dan terharu kerana sekali lagi berpeluang menjayakan majlis sambutan itu khusus bagi menghargai jasa guru.

Meskipun Orkestra Muda Bainun pernah dijemput mengadakan persembahan selingan pada majlis pelancaran Hari Guru peringkat kebangsaan tahun lalu, ini adalah kali pertama mereka diberi peluang mengiringi nyanyian Koir Guru.

Seramai 55 pelajar tingkatan dua hingga lima akan mengiringi 40 pendidik menyampaikan lagu Guru Malaysia, Bersatu Memartabatkan Profesion Keguruan dan Negaraku, selain mempersembahkan lagu selingan berjudul Rasa Sayang, 'What A Wonderful World', Getaran Jiwa serta Joget Medley dalam majlis pelancaran itu nanti.

Atiyah yang menjadi ketua orkestra sejak tingkatan dua, berpengalaman luas dalam bidang muzik. Dia yang mula mempelajari piano ketika usia tujuh tahun juga berkebolehan bermain biola, clarinet serta flute.

Selain itu, dia juga bertanggungjawab membantu jurulatih Orkestra Muda Bainun seperti dari segi menyusun kedudukan pemuzik kumpulan orkestra berkenaan dalam sesuatu persembahan.

"Harapan saya sempena sambutan Hari Guru tahun ini ialah semoga semua guru dapat terus menyumbang bakti demi kecemerlangan pelajar," katanya kepada Berita Harian, baru-baru ini.

Turut bangga dengan peluang yang diberikan ialah rakannya, Nor Shahida Nor Azmi, 17, yang tidak menafikan Orkestra Muda Bainun sudah membuat persediaan serta latihan rapi untuk memastikan persembahan berjalan lancar.

Pelajar tingkatan lima aliran sains itu mahir bermain biola dan flute.

"Saya memang gembira dan rasa bertuah, malah bangga, kerana dapat turut serta dalam orkestra ini, lebih-lebih lagi berpeluang menjayakan bersama sambutan Hari Guru yang istimewa untuk keseluruhan pendidik tanah air," katanya.

Pemain biola dalam orkestra berkenaan, Nur Diyana Abdul Manap, 17, turut bangga dan seronok melihat kemajuan Orkestra Muda Bainun sehingga dikenali ramai.

"Persembahan Orkestra Muda Bainun dalam majlis pelancaran itu nanti boleh diumpamakan sebagai hadiah istimewa daripada kami untuk guru di seluruh negara yang sudah banyak berjasa selama ini," katanya.

Mazidah Mukhtar, 17, yang akan memainkan alat muzik cello pula berkata, mereka amat menghargai titik peluh dan pengorbanan guru mendidik serta mencurahkan ilmu selama ini, termasuk melatih bakat mereka dalam kumpulan orkestra itu.

Sementara itu, kira-kira 40 guru dari sekitar negeri Perak yang

menyertai Koir Guru turut gembira dengan keistimewaan persembahan mereka tahun ini bersama iringan Orkestra Muda Bainun.

Guru mata pelajaran Pendidikan Muzik dari Sekolah Kebangsaan (SK) Haji Wan Jaafar, Batu Kurau, Omar Ibrahim, menyifatkan persiapan untuk persembahan Koir Guru tahun ini agak `hebat`.

Beliau yang sudah menyertai Koir Guru sejak lapan tahun lalu berkata, ini kerana muzik iringan daripada Orkestra Muda Bainun menjadikan persembahan Koir Guru lebih bersemangat serta menarik.

(END)